

# Dr. M tidak tahu pemimpin UMNO ke Sabah pancing undi

KUALA LUMPUR 7 Nov. — Dato' Sri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau tidak tahu-menahu tentang wujudnya perbuatan pemimpin UMNO Pusat yang pergi ke Sabah untuk memancing undi bagi pemilihan parti tahun depan.

Presiden UMNO itu berkata, tujuan UMNO menghantar pemimpinnya ke Sabah adalah untuk membantu perjuangan UMNO disana.

"Saya tidak tahu perkara ini berlaku atau tidak, jika ia benar berlaku, adalah amat mendukacitakan," katanya pada akhir hari kedua Perhimpunan Agung UMNO di sini hari ini.

Beliau menyatakan demikian kepada para pemberita ketika diminta mengulas ucapan wakil UMNO Sabah semalam yang menyatakan adapa pemimpin UMNO Pusat yang datang Sabah untuk mendapatkan sokongan.

Mengenai pertemuannya dengan wakil-wakil kaum Dusun, Murut dan Kadazan yang telah menganggotai UMNO pagi ini, Dr. Mahathir berkata, beliau telah menjelaskan bahawa UMNO bukan hanya untuk masyarakat Islam.

Sebaliknya kata beliau, di Semenanjung telah ada ahli-ahli UMNO dari kalangan orang Siam yang beragama Buddha menyertai UMNO.

Ditanya tentang tindakan wakil UMNO Wilayah Persekutuan, Senator Datuk Azman Attar Othman yang 'menyerang' Pengerusi Tetap, Tan Sri Sulaiman Ninam Shah kerana mengarahkan beliau berhenti berucap, Perdana Menteri berkata, ia amat mendukacitakan.

"Saya dukacita, walaupun kita tidak suka kepada peraturan yang dibuat oleh Pengerusi Tetap tetapi kita harus hormati keputusan tersebut," ujar beliau.

Sehubungan itu beliau menyerahkannya ahli-ahli supaya menilai kejadian tersebut kerana sebelum ini telah berlaku beberapa kali kejadian ahli-ahli Majlis Tertinggi dilemparkan dengan perkataan yang kurang sopan seperti *bloody fool*.

Kepada soalan berhubung isu surat layang, Dr. Mahathir berkata, beliau akan meminta ahli-ahli UMNO menyerahkan surat layang itu kepada polis seperti yang diminta oleh Ketua Polis Negara.

Beliau menjelaskan, sekiranya ahli UMNO mempercayai kandungan surat layang tersebut, matlamat mereka yang membuat surat itu telah tercapai.

Tambahnya, jika ahli UMNO berpendapat ada nasihat yang baik di dalam surat layang itu, tidak perlulah lagi nasihat-nasihat yang diberikan oleh UMNO.

Menyentuh mengenai pertemuannya dengan Pertubuhan Kebangsaan Melayu Singapura (PEKEMAS), beliau berkata, ia hanya pertemuan biasa lagipun PEKEMAS dan UMNO mempunyai kaitan sejarah dari segi penubuhannya.

"Bagaimanapun pertemuan itu tidak membawa apa-apa implikasi di Singapura," ujar beliau.

Berhubung integrasi nasional, beliau berkata, kerajaan telahpun mendesak Penerbangan Malaysia (MAS) supaya menurunkan kadar tambang tetapi perlu diingat MAS mempunyai komitmen terhadap para pemegang sahamnya.